

25 MAY 2000

TUKANG TILIK RAMAL DR LING AKAN TERUS KEKAL SEBAGAI MENTERI

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Seorang tukang tilik antarabangsa dan guru feng shui meramalkan bahawa Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik akan mengubah fikiran untuk meletakkan jawatan daripada Kabinet.

Dr Rev.Yong berkata beliau percaya dalam masa dua minggu "memikir secara mendalam dan mencari ilham," Dr Ling akan menimbang semula keputusan beliau dan akan terus kekal dalam kabinet.

Dalam satu kenyataan Yong berkata Dr Ling yang dilahirkan pada 18 Sept, 1943 bernaung di bawah zodiak kambing mengikut kalendar China.

Menurutnya mereka yang dilahirkan di bawah zodiak itu merupakan seorang yang lemah lembut dalam tindakan dan penuh belas kasihan.

"Beliau tidak mempunyai perasaan benci terhadap orang lain. Beliau adalah seorang yang bertanggungjawab. Oleh itu beliau tidak akan lari daripada tanggungjawab dan akan mengembalikan keamanan dan harmoni sebelum beliau memutuskan untuk meletakkan jawatan," katanya.

"Dengan melakukannya, ia memberi gambaran biasa mereka yang bernaung di bawah zodiak itu, percayakan keamanan dan harmoni dalam rumah, sebagai contoh MCA sangat penting kepada beliau," katanya.

Semalam, Dr Ling yang juga Presiden MCA mengumumkan bahawa beliau akan bercuti selama dua minggu seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu beliau menimbang semula keputusan awalnya untuk meletakkan jawatan.

Beliau pada hari Isnin mengumumkan untuk meletak jawatan sebagai Menteri Pengangkutan selepas berkhidmat selama 14 tahun dalam jawatan itu.

-- BERNAMA

RV LAT